



A. SEJARAH PENUBUHAN

Pertubuhan Rumah Anak Yatim Miskin Daerah Kuala Langat telah ditubuhkan pada **10 Disember 1994** iaitu hasil daya usaha oleh beberapa orang pemimpin daerah ini yang diketuai oleh **Y.Bhg Dato' Hj Abu Bakar bin Hj Abdul Hamid (ketika itu ADUN Kawasan Morib)**, **Y.Bhg Dato' Abdul Samad bin Maharuddin, JP**, **Y.Bhg Datin Paduka Hjh Fatimah binti Suhaimi**, **Tn Hj Mohd Yunus bin Mansor, JP** dan **Tn Hj Mohamed Khaidzer bin Ibrahim** (telah meninggal dunia).

Pertubuhan ini telah diluluskan pendaftarannya sebagai Pertubuhan Sukarela (NGO) pada 8 Jun 1995. **No. Pendaftaran 5736/95 (SEL)**. Pertubuhan ini telah mendapat kelulusan **Pengecualian Cukai** dari Lembaga Hasil Dalam Negeri bermula tahun 2003. Nombor rujukan : **LHDN-01/35/42/51/179-6-4889**.

Pertubuhan ini telah **dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Hj Mohamad bin Hj Mohamad Taib** pada **18 Januari 1998 (Khamis)** bersamaan **27 Syaaban 1416H**. Pada tahun 2006, Pertubuhan Rumah Anak Yatim Miskin Daerah Kuala Langat ini telah dikenali sebagai **"Rumah Penyayang Bestari"**.

B. LATAR BELAKANG YANG DIPERTUA



YAD Dato' Hj Abu Bakar bin Hj Abdul Hamid, JP telah dilahirkan pada **09 Mei 1940** dan beliau telah mendirikan rumahtangga bersama **Y.Bhg Toh Puan Hjh Jamiah binti Lebam** dan telah dikurniakan seramai 7 orang cahaya mata iaitu 3 putera dan 4 orang puteri.

YAD Dato' Hj Abu Bakar bin Hj Abdul Hamid, JP telah menjadi **Ahli Dewan Undangan (ADUN) Selangor Kawasan Morib** bermula dari **tahun 1982 sehingga 1995**. Selepas itu pada tahun 1995 beliau telah dilantik menjadi **Orang Besar Daerah Petaling** yang mana daerah Petaling ini terletak di tengah-tengah Lembah Klang.

Menjadi **Orang Besar Daerah Petaling** secara rasminya membawa gelaran **Yang Dihormati Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling, Dato' Seri Indah DiRaja Dato' Hj Abu Bakar bin Hj Abdul Hamid, JP** dan terkini **Yang Amat Dihormati (YAD Dato' Hj Abu Bakar bin Hj Abdul Hamid, JP)**.

Selain itu **YAD Dato' Hj Abu Bakar bin Hj Abdul Hamid, JP** juga telah dilantik menjadi **Ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)** dan **Ahli Dewan Diraja Selangor**.

C. PENGENALAN ASRAMA

Pada 30 Januari 1995, Pertubuhan ini telah membina sebuah Kompleks Rumah Anak Yatim Miskin di Kampung Sungai Buaya, Banting di atas sebidang tanah yang diwakafkan oleh seorang dermawan. Kompleks yang berharga RM 500,000.00 itu mengandungi sebuah dewan utama, pejabat, Asrama Putera, Asrama Puteri, sebuah dewan makan dan dapur juga 2 pintu rumah pekerja.

Pada tahun 1998 pertubuhan telah membina sebuah lagi bangunan khas bagi menempatkan pelajar-pelajar perempuan serta bilik belajar. Bangunan 2 tingkat telah siap untuk digunakan pada awal tahun 2000. Sebuah bangunan Pusat Sumber telah siap dibina dan telah dirasmikan pada 2 Januari 2004. Ia merangkumi bilik perpustakaan, bilik komputer dan bilik mesyuarat.

